



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 4 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JAWATANKUASA KLUSTER INDIKATOR KETERJAMINAN MAKANAN DITUBUH, BISNES, SH -31	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	KELANTAN AKUI TANAH PERTANIAN SUSUT, PASIR PUTEH, SH -29 PETANI TERJEJAS BANJIR TERIMA BANTUAN KERAJAAN NEGERI, BULETIN MUTIARA -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6.	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK GIAT USAHA BASMI RABIES DI LUAR BANDAR, TV SARAWAK -ONLINE FREE ANTI-RABIES VACCINATION, NEUTERING PROGRAMME FOR DOG ON 5 AT SENG GOON INDOOR BASKETBALL COURT, DAYAK DAILY -ONLINE POLIS RAMPAS LEMBU, KARKAS BABI DISYAKI DISELUDUP DARI THAILAND, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	GUNA KHIDMAT WARGA ASING TANGKAP IKAN, LOKAL, HM -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	MAQIS KEDAH SERAH HAMPIR 17,000 KG KERATAN AYAM SEJUK BEKU KEPADA EMPAT PENJARA, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	PERANAN PERTUBUHAN PELADANG DIAKUI BANTU PEMBANGUNAN SABAH, BORNEO DAILY BULETIN, -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10. 11.	KEDAH FLOODS THREATEN RICE OUTPUT, NATION, THE STAR -4 RICE SUPPLY SECURE DESPITE FLOODS, SAYS MINISTRY, NATION, THE STAR -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	PERLOMBONGAN PASIR TIDAK GANGGU OPERASI RUMAH PAM KADA, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
13. 14. 15. 16. 17.	INDEKS HARGA PENGELUAR 2023 SUSUT 1.9 PERATUS, BISNES, SH -31 MALAYSIA MAHU TINGKAT IMPORT DAGING, BERAS DARI PAKISATAN, DALAM NEGERI, UM -4 LOYA, MUNTAH AKIBAT BUANGAN SISA NAJIS AYAM, DALAM NEGERI, UM -30 A RICE-ING PROBLEM, MUKA DEPAN, THE STAR -1 CREAMY TREAT THAT'S HARD TO RESIST, FEATURE, THE STAR -12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Indeks Harga Pengeluar 2023 susut 1.9 peratus

Berbanding 7.8 peratus pada tahun 2022

KUALA LUMPUR

Indeks Harga Pengeluar (IHPH) Malaysia turun sebanyak 1.9 peratus pada 2023 berbanding 7.8 peratus pada 2022, disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam sektor pertanian, perhutanan perikanan (-13.8 peratus).

Jabatan Perangkaan Malaysia berkata, sebagai komponen terbesar, penurunan dua digit dalam indeks penanaman tanaman kekal negatif 23.1 peratus (2022: -0.7 peratus) yang menyumbang kepada kemerosotan keseluruhan sektor itu.

"Sektor perlombongan juga turun 5.9 peratus berbanding 12.6 peratus pada 2022. Pengekstrakan petroleum mentah turun dua digit kepada 10.1 peratus selepas meningkat 6.4 peratus pada 2022.

"Pengekstrakan gas asli pula meningkat pada kadar lebih perlahan 9.9 peratus berbanding 43.7 peratus pada 2022," katanya.



IHPH turun sebanyak 1.9 peratus pada 2023 disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam sektor pertanian, perhutanan perikanan. - Gambar hiasan

Menurut jabatan itu, sektor pembuatan mencatat penurunan perlahan 0.2 peratus berbanding kenaikan 8.4 peratus pada 2022, disebabkan oleh kemerosotan indeks pembuatan produk makanan (-5.9 peratus), pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-5.4 peratus) serta pembuatan kimia dan produk kimia (-3.3 peratus).

Bagaimanapun, katanya, penurunan

sektor itu diimbangi dengan peningkatan dalam pembuatan kenderaan bermotor, treler dan separuh treler (8.9 peratus) dan pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal (6.9 peratus).

Pada masa sama, sektor utiliti sebaliknya kekal positif pada 2023, dengan bekalan elektrik dan gas serta bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 0.4 peratus dan 2.4 peratus. - Bernama

Lanjut pengecualian SST perkhidmatan digital

KUALA LUMPUR - Pengendali TNG eWallet, TNG Digital Sdn Bhd menggesa kerajaan agar kerajaan melanjutkan pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) ke atas perkhidmatan digital dalam Belanjawan 2025.

Syarikat teknologi kewangan itu percaya pelanjutan itu penting bagi memastikan perkhidmatan digital kekal berpatutan dan boleh diakses oleh golongan komuniti yang kurang mendapat perhatian, khususnya golongan pendapatan B40 dan M40, serta perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS).

Pelanjutan ini juga akan menggalakkan transaksi tanpa tunai, katanya menerusi e-mel kepada Bernama.

TNG Digital menekankan bahawa langkah pengecualian berterusan ini juga penting untuk memastikan segmen ini boleh mengakses perkhidmatan kewangan digital tanpa melibatkan kos tambahan yang berkaitan dengan transaksi tanpa tunai.

"Dari segi kesediaan pelanggan dan keuntungan, industri e-dompet dilihat masih belum matang. Disebabkan itu pelanjutan pengecualian SST ini akan memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan selanjutnya dan menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai yang lebih meluas.

"Ini sejajar dengan matlamat negara untuk mewujudkan sistem kewangan yang inklusif dan progresif," katanya.

Jawatankuasa Kluster Indikator Keterjaminan Makanan ditubuh

PUTRAJAYA - Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kluster Indikator Keterjaminan Makanan Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara bagi memudahkan cara pembangunan, pengurusan dan pemantauan data berkaitan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkara itu antara inisiatif yang diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang bersidang pada Khamis.

Menurutnya, antara lain kerajaan juga akan memperkasakan industri akuakultur menerusi pembangunan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) bagi memenuhi peningkatan permintaan domestik dan menggalakkan eksport melalui naik taraf infrastruktur serta galakan pelaburan.

"Mesyuarat juga memperhalusi inisiatif untuk membangunkan industri ruminan negara melalui pemerkasaan Program Pembangunan Ruminan bagi mencapai Kadar Sara Diri (SSR) 25 peratus bagi daging lembu dan



Fadillah (kiri) dan Mohamad (kanan) ketika Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara di Wisma Tani pada Khamis.

kerbau menjelang 2030.

"Selain itu, mesyuarat memutuskan untuk mengukuhkan pengurusan kerintangan antimikrob (AMR) melalui penambahan polisi dan garis panduan pelepasan efluen bagi sektor pertanian, ternakan dan

akuakultur serta pelaksanaan penyelidikan berterusan berhubung impak dan mitigasi bahan cemar AMR," katanya dalam satu kenyataan.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah

Yusof, di Wisma Tani, Putrajaya. Ia turut melibatkan pegawai kementerian dan agensi yang berperanan merangka cadangan hala tuju keterjaminan makanan negara lebih inklusif serta mencadangkan strategi berfokus Kerajaan dalam menangani isu

keterjaminan makanan negara.

Mohamad berkata, mendepani situasi keterjaminan makanan negara, pendekatan *Whole of Government, Whole of Society (WoGoS)* penting bagi memantapkan aspek keterjaminan makanan dalam berhadapan dengan persekitaran yang sentiasa berubah, tidak menentu, rumit dan samar (VUCA).

Justeru, kata beliau, saranan konstruktif yang diketengahkan dalam mesyuarat berkenaan akan ditambah baik sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara kelak.

"Keterjaminan makanan merupakan tanggungjawab bersama dan satu keutamaan nasional.

"Kolaborasi strategik antara semua pihak amat penting dalam memastikan Malaysia kekal teguh dalam menghadapi cabaran keterjaminan makanan pada masa hadapan, demi kelangsungan sistem makanan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	SINAR HARIAN	PASIR PUTEH	29

Kelantan akui tanah pertanian susut

Akibat projek ECRL dan penempatan penduduk

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
PASIR PUTEH

Kelantan mengalami penyusutan kawasan pertanian akibat aktiviti pembangunan terutamanya melibatkan kawasan jajaran projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penyusutan tersebut melibatkan kawasan seperti bendang padi bagi memberi ruang pembangunan antaranya digantikan sebagai penempatan penduduk.

"Pembinaan ECRL paling besar terjejas membabitkan kawasan sawah padi selain pembangunan jalan-jalan utama sekitar kiri dan kanan bendang.

"Pemilik yang tiada kawasan tanah lain sudah tidak boleh menjalankan pertanian kerana keutamaan memberi ruang kepada pembangunan tersebut," katanya kepada pemberita selepas Sesi Turun Padang bagi Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 Peringkat Negeri Kelantan di kebun betik di Selising di sini pada Khamis.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan, Abang Saifulhadi



Tuan Mohd Saripudin (dua dari kanan) bersama Abang Saifulhadi (kanan) melawat kebun betik untuk melakukan banci pertanian di Selising, Pasir Puteh pada Khamis.

Abang Ibrahim.

Justeru beliau berkata, kerajaan negeri dan Jabatan Pertanian Kelantan akan terus melaksanakan usaha menggantikan kawasan pertanian yang baharu menerusi pembangunan tanah terbiar dengan peruntukan RM1 juta setahun.

Tuan Mohd Saripudin berkata, pihaknya menyasarkan 100 hektar tanah terbiar dibangunkan dalam tempoh itu dengan jumlah terkini separuh daripada 8,000 hektar tanah terbiar di Kelantan sudah dibangunkan kepada tanah pertanian.

"Kami gantikan penyusutan tanah pertanian ini dengan pembukaan kebun, tanaman sayur-sayuran dan tembikai.

"Turut dibuka kawasan bendang seluas 81 hektar di Kampung Ana, Tumpat dan pembangunan sistem pengairan serta saluran sebanyak 2,832

hektar di Machang bagi membolehkan penanaman padi luar jelapang kepada jelapang," katanya.

Selain itu, tambahnya, usaha untuk menambah hasil dan pendapatan padi turut meliputi kaedah penggunaan teknologi, baja berkualiti, pemuliharaan tanah dan teknik melalui Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

"Kami mahu hasil padi di Kelantan tidak menyusut melainkan berlaku keadaan di luar kawalan kerana faktor iklim global seperti kemarau tahun lepas.

"Setakat ni, jumlah penyusutan lebih banyak berbanding penggantian namun proses penggantian itu berlaku secara berterusan," katanya.

Bagaimanapun katanya, kerajaan negeri tetap meraikan pembangunan dan kemajuan untuk kepentingan rakyat di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	BULLETIN MUTIARA	ONLINE	

Petani terjejas banjir terima bantuan Kerajaan Negeri



SUNGAI DUA – Seramai 13 orang petani kelompok di Lahar Yooi dan Nyiur Sebatang yang terjejas akibat banjir pada pertengahan September lepas menerima bantuan pertanian daripada Kerajaan Negeri.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata petani yang terlibat adalah daripada

sektor penanaman sayur serta padi.

“Hari ini kita adakan jelajah untuk melihat petani-petani yang terkesan akibat banjir baru-baru ini, kita sempat meluangkan masa dan memberikan bantuan berupa baja, racun rumpai serta peralatan-peralatan lain.



“Kawasan yang terjejas dianggarkan kira-kira 13.5 hektar di kelompok Lahar Yooi dan Nyiur Sebatang, Seberang Perai Utara (SPU) ini,” ujar Fahmi dalam satu sidang media di sini sebentar tadi.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim.

Dianggarkan sebanyak RM181,500 kerugian (padi) dan RM177,450 telah dialami oleh petani-petani SPU terlibat dalam kejadian banjir tersebut.



Muhaimin dalam pada itu merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi sumbangan sebanyak RM5,000 kepada dua kelompok tersebut.

“Selain SPU, ada juga kawasan lain yang terlibat tetapi kawasan SPU adalah paling teruk terkesan.

“Dalam jelajah ini, kita turut melihat keadaan parit di beberapa kawasan yang perlu dibaiki melibatkan peruntukan RM50,000,” maklumnya sambil

memberitahu bahawa lawatan ke kawasan lain yang terjejas turut akan diadakan selepas ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	TV SARAWAK	ONLINE	

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak giat usaha basmi rabies di luar bandar



KUCHING, 3 Okt: Dalam usaha untuk membanteras rabies di Sarawak, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) mempergiatkan kempen vaksinasi haiwan peliharaan dan kesedaran awam, khususnya di kawasan luar bandar.

Pengarah DVSS, Datu Dr. Adrian Susin Ambud berkata pihaknya amat menekankan pentingnya usaha kolektif untuk menangani masalah ini.

“Untuk Sarawak menghapuskan rabies, kita perlu melaksanakan lebih banyak vaksinasi secara besar-besaran, meningkatkan kesedaran mengenai rabies dan pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab,” katanya ketika ditemui TVS di sini, hari ini.

Tambah beliau, Sarawak kini mempunyai satu pasukan khas yang dinamakan Immune Belt Enforcement Team (IBET) bagi mengawal penularan wabak rabies dengan lebih proaktif terutamanya di kawasan sempadan negara.

“Di kawasan luar bandar yang berhampiran dengan kawasan sempadan negara, pasukan IBET kami sedang melaksanakan vaksinasi anjing dari kampung ke kampung dan pemantauan.

“Kami juga menjalankan banyak kempen kesedaran, terutama dalam kalangan penduduk luar bandar tentang cara mengelakkan gigitan dan calar daripada haiwan,” katanya.

Untuk pengurusan kes gigitan, dedah Dr Adrian, DVSS bekerjasama dengan pihak perubatan melalui satu kumpulan WhatsApp yang diwujudkan untuk menangani isu berkaitan kes gigitan.

“Kami juga menggunakan aplikasi rabies, satu inisiatif digital baru untuk mengesan dan melaporkan kes rabies serta berkongsi data,” katanya.

Dr. Adrian turut menegaskan bahawa jika seseorang telah digigit, mereka mesti segera pergi ke klinik terdekat untuk tindakan lanjut.

“Di samping itu, mereka harus membasuh luka dengan air mengalir selama 15 minit,” jelasnya.

Selain itu, DVSS turut menjalankan tindakan penghapusan anjing, khususnya bagi kes gigitan dan kes disyaki rabies.

Beliau menyeru pemilik anjing dan haiwan peliharaan untuk mensterilkan haiwan peliharaan mereka.

“Kempen pensterilan ini telah berjalan dan semua klinik veterinar swasta boleh menyediakan perkhidmatan ini,” katanya.

Free anti-rabies vaccination, neutering programme for dogs on Oct 5 at Seng Goon Indoor Basketball Court

Oct 3, 2024 @ 15:08



A promotional material of anti-rabies vaccination programme on Oct 5, 2024.

By DayakDaily Team

KUCHING, Oct 3: A free anti-rabies vaccination programme, featuring subsidised neutering for dogs, will be held at the Indoor Basketball Court in Lorong 3 Taman Seng Goon this Saturday (Oct 5), from 8.30am to 4.30pm.

Jointly organised by the Kuching South City Council (MBKS) and the Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak, the event will also offer free licensing registration and microchipping services.

Dog owners are reminded that their pets must be vaccinated against rabies once a year.



10/4/24, 9:05 AM

Free anti-rabies vaccination, neutering programme for dogs on Oct 5 at Seng Goon Indoor Basketball Court | DayakDaily

Subsidised neutering is available for female dogs, with a subsidy of RM150 per animal, limited to the first 100 MBKS-licensed and vaccinated female dogs.

Dog owners bringing their pets for vaccination are advised to bring their MyKad and the pet's vaccination card, if available.

It is essential to ensure that pets are healthy, over three months old, and not pregnant to qualify for vaccination.

After vaccination, dogs should be quarantined and isolated for 28 days to allow immunity against rabies to develop.

During this period, do not allow the dog to interact with other animals of unknown vaccination status, and avoid bathing the dog for at least one week.

Pet owners are also reminded to keep their dogs on a leash in public places and prevent them from roaming freely.

All pets should be kept securely within the house compound under effective control at all times. — DayakDaily





Malay

taip untuk carian

WILAYAH - TIMUR > BERITA

Polis Rampas Lembu, Karkas Babi Disyaki Diseludup Dari Thailand

🕒 03/10/2024 05:20 PM



Kredit: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara

KOTA BHARU, 3 Okt (Bernama) -- Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara menumpaskan kegiatan penyeludupan lembu bernilai RM300,000 di Jalan Panglima Bayu dekat Tanah Merah dalam Op Taring Wawasan Kelantan pada Selasa lepas.

Komander Briged Tenggara PGA Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata rampasan dilakukan pada 3 petang selepas anggota yang mendapat maklumat berkaitan penyeludupan haiwan telah menahan sebuah treler dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata hasil pemeriksaan terhadap treler jenis Volvo itu

itu yang dipercayai diseludup dari Thailand.

"Suspek seorang lelaki berumur 31 tahun telah ditahan dan dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kesemua haiwan itu ke pasaran tempatan.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 manakala barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Veterinar untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada Bernama hari ini.

Sementara itu, PGA turut menahan dua lelaki dan merampas 100 kilogram karkas babi bernilai lebih RM5,000 di Sekat Pintas PGA, Pos Mentua di Tumpat pada 5 pagi semalam.

Nik Ros Azhan berkata rampasan dilakukan apabila sepasukan anggota Batalion 9 menahan sebuah kereta pacuan empat roda yang dinaiki dua lelaki berumur 33 dan 36 tahun.

"Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua suspek gagal menunjukkan dokumen berkaitan barangan yang dibawa dan disyaki diseludup dari Thailand untuk pasaran tempatan.

"Kesemua barang rampasan diserahkan kepada Komtak Pengkalan Kubor untuk tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	8



BOT nelayan tempatan yang ditahan di perairan Kuala Tembeling, Kuantan.

Guna khidmat warga asing tangkap ikan

Kuantan: Guna khidmat pendatang asing tanpa izin warga Myanmar untuk menangkap ikan di perairan negara.

Kegiatan itu berjaya di-kesan selepas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C kerana disyaki melanggar syarat sah lesen di tenggara perairan Kuala Tembeling, di sini, semalam.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata, bot itu ditahan ketika pihaknya menjalankan rondaan Op Makmur.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati, bot itu dikendalikan lima warga Myanmar termasuk tekong berusia antara 28 dan 40 tahun.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati bot itu me-

langgar syarat sah lesen Akta Perikanan 1985 kerana tidak mempunyai permit kerja yang sah iaitu menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kes juga akan disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ketika diperiksa.

"Lima nelayan dan bot yang ditahan dibawa ke Jeti Pernepa Kuantan Slipway bersama peralatan menangkap ikan serta hasil laut dianggarkan seberat 2.3 tan," katanya.

Susulan kes itu, beliau berkata, pihaknya mengingatkan komuniti maritim terutama nelayan di perairan Pahang supaya tidak terbabit sebarang aktiviti menyalahi undang-undang.



Malay



AM > BERITA

MAQIS Kedah Serah Hampir 17,000 Kg Keratan Ayam Sejuk Beku Kepada Empat Penjara

03/10/2024 04:59 PM



Kredit: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah

ALOR SETAR, 3 Okt (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah menyerahkan sebanyak 16,892 kilogram (kg) keratan ayam sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM132,168 kepada empat buah penjara, semalam.

Pengarah MAQIS Kedah Hisham Abu Bakar berkata penjara yang terlibat adalah Penjara Dusun Dato' Murad, Penjara Machang, Penjara Penor dan Penjara Pengkalan Chepa.

"Serahan keratan ayam tersebut bertujuan untuk memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi agensi tersebut.



BERNAMA - MAQIS Kedah Serah Hampir 17,000 Kg Keratan Ayam Sejuk Beku Kepada Empat Penjara
"Kesemua serahan ini adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses undang-undang," katanya dalam kenyataan hari ini.


Beliau berkata hasil sitaan tersebut telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan seperti mana yang tertakluk di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Hisham berkata MAQIS tidak akan berkompromi terhadap semua barang dagangan yang melibatkan isu biosekuriti terutamanya yang melibatkan aspek halal.



"Pegawai MAQIS di pintu masuk negara akan terus komited dan tegas dalam melakukan penguatkuasaan terhadap setiap pengimportan keluaran pertanian," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial:

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	BORNEO DAILY BULETIN	ONLINE	

Peranan Pertubuhan Peladang diakui bantu pembangunan Sabah



Datuk Seri Panglima Dr. Salleh Said Keruak menyampaikan anugerah pendidikan kepada Dr. Adriel Allan Liaw di majlis itu.

KOTA KINABALU: Pertubuhan Peladang (PP) diakui memainkan peranan penting dalam membantu membawa pembangunan di Sabah, khususnya menerusi sektor pertanian dan perladangan.

Presiden Kehormat Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Sabah, Datuk Seri Panglima Dr. Salleh Said Keruak, berkata banyak manfaat yang dibawa pertubuhan itu kepada rakyat Sabah jika ia digerakkan dengan aktif.

Katanya, aktiviti peladang yang berasaskan tanah sebagai medium untuk menggerakkan pertanian dan perladangan cukup mudah jika ada komitmen untuk membangunkannya.

“Walaupun sekarang ini ada bermacam teknologi diperkenalkan, asasnya adalah tanah. Tanah berperanan penting dalam aktiviti peladang seperti orang kata, berbudi kepada tanah.

“Konsep saya jangan terlalu kreatif, contohnya biarlah satu campur satu itu sama dengan dua, tidak perlu fikir bagaimana untuk menjadikannya lebih daripada itu.

“Maknanya, usahakan saja tanah dengan kepakaran yang ada kerana apa yang penting ialah bagaimana menggunakan tanah untuk membangunkan negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Sabah Kali Ke-36, di Hotel Promenade, di sini, malam tadi.

Hadir sama Pengerusi PPN Sabah, Datuk Mohd Nazri Abdullah.

Salleh yang juga bekas Ketua Menteri Sabah, berkata jawatan tidak semestinya boleh membantu dalam memastikan kejayaan sesebuah organisasi seperti Pertubuhan Peladang.

Sebaliknya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Usukan itu berkata, komitmen terhadap usaha memajukan pertubuhan itu lebih penting dan harus diutamakan oleh kepimpinan Pertubuhan Peladang di negeri ini.

“Saya pernah menjadi Ketua Menteri, Menteri Persekutuan, Ahli Parlimen dan Senator, tapi semua itu tidak penting. Apa yang penting ialah kita berkhidmat kepada masyarakat, jawatan tidak semestinya boleh membantu, yang penting adalah komitmen.

“Kuncinya apakah kita sudah tambah pendapatan peladang, kalau pendapatan tidak selari dengan kos, maka akan timbul masalah pada masa akan datang,” katanya.

Salleh berkata, sebagai Presiden Kehormat PPN Sabah, beliau sentiasa memantau perkembangan pertubuhan itu dan berkongsi perkara yang bermanfaat ke arah kemajuan PP di Sabah.

Pada majlis itu, Salleh turut melancarkan beras dengan jenama Peladang yang akan dipasarkan PPN Sabah sebagai antara aktiviti perniagaan pertubuhan berkenaan.

Salleh turut melancarkan Pusat Khidmat Sehenti Hal Ehwal Majikan dan Pekerja Peladang Sabah serta menyampaikan sumbangan PPN Sabah kepada anak ahli Pertubuhan Peladang yang mencatat kecemerlangan dalam pelajaran.

Sementara itu, Pengurus Besar PPN Sabah, Ruddy Hasmawie Mohamad, berkata perniagaan pemasaran beras PPN Sabah dijalankan di premisnya di Lot 49-50, Kian Yap Industrial Estate, Lorong Durian 3, Kolombong.

Katanya, lokasi itu sebagai permulaan perniagaan beras yang dilaksanakan PPN Sabah sebelum diperluaskan ke seluruh Sabah untuk manfaat ahli dan rakyat keseluruhannya.

“Objektifnya ialah membekalkan beras dengan harga berpatutan untuk membantu masyarakat dan juga Ahli Peladang khususnya.

“Ia juga bagi membantu dan memperkukuhkan jenama Peladang yang menjadi ikon kepada pergerakan Pertubuhan Peladang dalam semua produk yang dipasar dan dikeluarkan oleh pergerakan ini,” katanya.

Beliau berkata, produk itu sama ada dikeluarkan ahli individu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) atau Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Katanya, PPN Sabah menjual Beras Putih Import (5KG, 10KG, 50KG) dan Beras Wangi import (5KG, 10KG, 50KG) atas jenama Peladang.

Kedah floods threaten rice output

National supply at risk if problems are not sorted out quickly, says Mada

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: The national rice output is at risk if flooding issues are not addressed promptly, says the Muda Agricultural Development Authority (Mada).

Its chairman Datuk Dr Ismail Salleh said the country's latest self-sufficiency rate (SSR) for rice stood at 56.2% in 2023, which was still far behind the Agriculture and Food Security Ministry's target of achieving an SSR of 75% by 2025.

He said the SSR for this year could be worse due to the recent deluge affecting padi fields under Mada's jurisdiction, adding that uncertain weather conditions and the spread of diseases were also reasons that contributed to the declining SSR for rice.

Ismail outlined two long-term solutions that could enhance flood management and protect padi fields in the state.

He believes 90% of the flood problems in Kota Setar, Kulang Pasu and Padang Terap districts could be resolved once the Sungai Anak Bukit flood mitigation project is completed.

"This project must be expedited as it has been dragging on for many years without completion."

"The river that flows from areas in Padang Terap, Pedu and Jitra



Ruined fields: Mat Razi Bahari, 58, from Gunung Hilir village showing his damaged padi due to the flood and overflowing high tide at Mount Keriang during a flood survey around Sungai Baru. — Bernama

can be diverted to Sungai Anak Bukit once the project is completed. It can solve 90% of flood issues there," he said.

In Pendang district, Ismail said completing the flood mitigation projects in Sungai Choras and Kota Sarang Semut would be crucial to address flooding issues that

affect both padi farmers and residents.

"Several small rivers face significant challenges due to the relatively flat terrain, which affects their flow and drainage capabilities. During dry periods, farmers living near the rivers also experience difficulties, as the

smaller, slow-moving rivers hinder efficient water flow," he said.

In terms of short-term solutions, Ismail said the Irrigation and Drainage Department should conduct river deepening at Sungai Pendang to enhance its currents and improve its flow towards the state's main river.

Floods affected 2,074 padi farmers and agricultural entrepreneurs under the Agriculture and Food Security Ministry in Kedah last month.

The floods also affected nearly 6,000ha of padi fields, damaging crops that were almost ready for harvest and threatening the country's rice supply.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu had said that under Budget 2023, the ministry would seek about RM400m to enhance infrastructure and drainage systems in areas outside the main padi fields as part of a long-term strategy to address rice supply shortages, particularly in the wake of natural disasters.

Based on the latest Mada statistics on the padi submersion monitoring report for the Muda area as of Sept 29, a total of 5,915ha of padi fields were affected by floods involving 2,928 Mada farmers in Kedah and Perlis.

To alleviate the burden on the affected farmers, the government is providing assistance through the Padi Crop Disaster Fund, with the amount of aid depending on the age of the padi crop.

The estimated assistance ranges from RM876 to RM1,800 per hectare, with each eligible farmer limited to 3ha per planting season.

Rice supply secure despite floods, says ministry

PETALING JAYA: The public has been reassured of a stable rice supply despite recent floods, particularly in Kedah, which had destroyed large tracts of padi fields in the state, said the Agriculture and Food Industries Ministry.

Its secretary-general (development) Datuk Badrul Hisham Mohd said Padiberas Nasional Bhd (Bermas) currently maintains a government-mandated stockpile of 200,000 metric tonnes.

"In total, there are 1.1 million metric tonnes available, which includes 900,000 metric tonnes currently in the market."

"This stock is sufficient to meet national needs for six months, alleviating fears of any shortage," he said when contacted.

In addition, Badrul Hisham said the government will continue importing around 200,000 metric tonnes of rice from India to bolster supplies.

He said while the recent floods in Kedah had impacted local rice production, the government is monitoring the situation.

The ministry is also prepared to assist affected farmers through Muda Agricultural Development Authority (Mada) or other relevant agencies, he added.

He acknowledged the challenges posed by climate change, including drought and floods, that have led to a decline in local production.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Perlombongan pasir tidak ganggu operasi rumah pam Kada

PASIR PUTEH: Kerajaan Kelantan menegaskan aktiviti perlombongan pasir di Sungai Kelantan bukan penyebab utama rumah pam milik Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kampung Kemubu, Kota Bharu di sini gagal berfungsi sekali gus menyebabkan pesawah di negeri ini tidak dapat mengusahakan padi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Datuk Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, masalah itu sebenarnya berpunca daripada fenomena kemarau yang melampau tahun ini.

“Untuk makluman, aktiviti perlombongan pasir dilakukan mengikut zon sebagaimana yang telah ditetapkan.

“Setakat ini aktiviti itu (perlombongan pasir) mengikut peraturan sebagaimana yang dikeluarkan oleh kerajaan,” katanya kepada pemberita selepas Program Bancien Pertanian di Ladang Betik Callina, Selising, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising memberitahu, kerajaan negeri sudah meluluskan permohonan KADA untuk membina cerucuk dan rentan-



Setakat ini aktiviti itu (perlombongan pasir) mengikut peraturan sebagaimana yang dikeluarkan oleh kerajaan.”

gan air di dalam Sungai Kelantan.

Katanya, langkah itu bagi memastikan air kepada pesawah mencukupi sekali gus membolehkan mereka mengusahakan tanaman padi.

“Kita (kerajaan negeri) dengan KADA sudah mencapai kata sepakat pada 26 September lalu dan projek berkenaan dijangka bermula pada Februari tahun hadapan,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Tuan Mohd. Saripudin berkata, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi memulihkan semula tanah pertanian yang tidak lagi digunakan sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Malaysia mahu tingkat import daging, beras dari Pakistan

PETALING JAYA: Malaysia mahu meningkatkan import daging dan beras dari Pakistan dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu antara perkara yang akan diberi perhatian dengan kadar segera.

“Tentang pembelian daging, ia tidak sepatutnya menjadi masalah dan kami akan mengkajinya. Kami tetap membeli dari negara lain, jadi saya tidak melihat sebarang sebab kenapa kami tidak dapat membelinya daripada Pakistan. Tidak ada masalah dengan halal.”

“Sama juga dengan beras. Kami akan membeli beras dari Pakistan. Kita telah menetapkan 100,000 tan. Kita akan melihat mekanisme haraga dan sebagainya,” katanya



SHEHBAZ Shari mengiringi Anwar Ibrahim sebaik sahaja Perdana Menteri tiba di Pangkalan Tentera Udara Pakistan, Nur Khan di Punjab, Pakistan malam semalam bagi memulakan lawatan kerja ke negara itu.

dalam sidang akhbar bersama Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif di kediaman rasmi beliau, semalam.

Memetik laporan Astro Awani, Perdana Menteri berkata, Malaysia juga mahu meningkatkan kerjasama dalam pemerintahan tenaga kerja mahir terutamanya melibatkan bidang teknologi maklumat (IT), digital dan kecerdasan buatan (AI).

“Tentang kolaborasi dan pekerja mahir, kita menantikanannya kerana kita akan fokus kepada pekerja yang diperlukan untuk memenuhi permintaan baharu, pelaburan yang besar, mungkin yang terbesar di kawasan ASEAN, dalam bidang IT, digital, dan AI.

“Alhamdulillah, Malaysia adalah salah satu hab penting bagi industri semikonduktor. Kami boleh berkolaborasi dalam bidang itu juga,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Loya, muntah akibat buangan sisa najis ayam

Oleh ISKANDAR SHAH
MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA SELANGOR: Lebih 5,000 penduduk tiga buah kampung di Jeram, mendakwa hidup tidak selesa apabila berdepan bau busuk pembuangan sisa najis ayam dari sebuah kilang dalam kawasan itu sejak beberapa tahun lalu.

Selain Kampung Simpang 3, Kampung Jeram dan Kampung Bukit Kuching, keadaan itu menyebabkan penduduk berdekatan mengalami simptom sesak nafas, loya dan muntah serta risiko masalah kesihatan lain.

Penduduk, Zairul Majid, 49, berkata, mereka kerap terhidu bau pencemaran di kawasan parit terutama pada waktu malam.

"Bau busuk air sisa najis ayam itu menyebabkan saya sering kali loya dan keadaan sama turut dialami anak yang menghidap asma.

"Ada penduduk terpaksa mendapatkan rawatan di klinik kesihatan akibat masalah pencemaran itu," katanya ketika ditemui bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Datuk Harrison Hassan di lokasi itu semalam.

Bagi Azhar Abdullah, 49, isu



HARRISON Hassan (tengah) bersama penduduk menunjukkan keadaan parit yang tercemar di sekitar Kampung Simpang 3, Jeram di Kuala Selangor, Selangor, semalam. - UTUSAN / ISKANDAR SHAH MOHAMED

itu berlarutan sejak sekian lama dan masih tiada penyelesaian biarpun beberapa bantahan dibuat.

"Kami rimas melihat air bertukar hitam dan berbau di kawasan parit sekitar kilang memproses najis ayam berkenaan. Keadaan semakin teruk apabila hujan kerana aliran air memasuki parit

rumah penduduk," ujarnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPPKP) Kampung Simpang 3, Mohd. Norkhan Rais memberitahu, kilang itu pernah diambil tindakan kompaun oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) sebelum ini.

"Namun, ia seolah-olah tiada jalan penyelesaian dan masih tetap beroperasi seperti biasa.

"Kami menggesa tindakan lebih tegas diambil bagi memastikan aliran air sisa najis itu tidak mengalir ke kampung sehingga mengakibatkan isu kesihatan dan pencemaran bau," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	THE STAR	MUKA DEPAN	1



A rice-ing problem

Floods in Kedah, Malaysia's rice bowl, need to be addressed promptly to prevent the risk of lower output with crops being destroyed by the rising waters. Despite the floods, authorities have assured the public of a stable supply with 1.1 million tonnes of rice. > See reports on page 4 by IMRAN HILMY and KHOO GEK SAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2024	THE STAR	FEATURE	12



(From left) Tourists from China, Sun Yang, 39, Zhang Xin Yan, 34, and Kaidi Sun, 29, enjoying durians during their visit to Penang.



Durian lovers crowding a stall in Petaling Jaya, Selangor, to check things out.

Creamy treat that's hard to resist



A customer picking out the best durians from cratesful of the King of Fruits at a stall in Johor Baru. — Photos: THOMAS YONG, ART CHEN, CHAN BOON KAI, LIM BENG TATT and KT GOH/The Star

Durians beckon people, from north to south, for taste of local favourite

KNOWN as the King of Fruits, the thorn-covered durian is loved by many Malaysians for the creamy sweetness hidden within.

During the recent durian season, different varieties appeared at roadside stalls, markets and *pasar malam* as well as shops dealing exclusive with the fruit, all around the country.

Despite its pungent smell, Black Thorn, Musang King, Red Prawn and D24 are among the most sought-after variants.

In certain areas, roadside traders wooed customers by setting up tables and chairs for comfortable delectation.

It is common to see people of different social demographics crowding durian spots, especially in the evenings, to savour the custard-like, creamy pulp of the fruit.

In recent years, a new tradition has surfaced with durian-themed parties being organised to celebrate special occasions.

Besides corporate companies, elected representatives are also known to hold durian events for their constituents.

There have also been whole events dedicated to the king, such as Penang Durian Festival, aimed at drawing tourists.



Ang Hock Leng, 60, showing a cleaned-out durian shell at his fruit stall in Anson Road, Penang.



A worker using a wheelbarrow to carry durians at a fruit farm in Kulai, Johor.



Penang city councillor Koay Gaik Kee with fruit from a farm in Balik Pulau, Penang.